

SINOPSIS

Buku ini mengandungi konsep awal kalkulus yang sesuai untuk pelajar peringkat diploma dan ijazah tahun satu di institusi pengajian tinggi tempatan. Buku ini mengandungi sembilan bab yang disusun rapi. Pengenalan setiap konsep baru dijelaskan dengan menggunakan banyak contoh berilustrasi. Di dalam setiap bab pula, disediakan satu seksyen soalan latihan yang mengandungi pelbagai masalah pengukuhan merangkumi semua bahan dalam bab berkenaan.

Versi elektronik buku ini (dalam warna) dapat dibaca (tidak boleh dicetak) di laman web <http://fsas.upm.edu.my/~yhpeng/personel/ebuku.html>. Sila layari laman web tersebut untuk mengikuti sebarang perkembangan terkini tentang buku ini. Satu ruang ralat(errata) akan disediakan di situ.